

# Mekanisma *Istibdal* dalam Pembangunan Tanah Wakaf di Terengganu

Mohd Afandi Bin Mat Rani

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam Selangor.  
mohdafandi@salam.uitm.edu.my

## ABSTRACT

The acquisition of wakaf land by the authority body is considered *ijtihadiah* matter in *fiqh*. It is based on the concept of *maslahah 'ammah* and *istibdal*. Rulings relating to *wakaf istibdal* has not been addressed specifically by Muslim scholars in their literature. Whereas, the practise of *waqaf istibdal* has long been implemented in Malaysia by the authorised body for the sake of economic development. Hence a study is necessary to examine such practise and the specific rulings relating to it. This study, therefore attempts to see the *istibdal* as mechanisme to sustain the perpetuity of wakaf land acquired by the state authority. A case study has been conducted at Majlis Agama Islam and Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM). Several principles and *istibdal* methods applicable in Islamic law have been suggested in this study. It is believed that they would be able to mould towards a dynamic and comprehensive sustainable *fiqh wakaf* consistent with the current development in this country.

**Keywords:** *Fiqh, Istibdal, Maslahah 'Ammah, Wakaf Istibdal.*

## 1. Pendahuluan

Hukum syarak mengharuskan pengambilan tanah wakaf untuk kemaslahatan umum. Justeru, konsep *istibdal* dilihat sebagai satu mekanisma yang boleh mengekalkan kesinambungan tanah wakaf tanpa mengorbankan prinsip asal wakaf. Konsep *istibdal* atau lebih dikenali sebagai pertukaran harta wakaf adalah salah satu penyelesaian kepada masalah-masalah yang membabitkan pembangunan harta wakaf (Siti Mashitoh, 2002). Tujuan asal seseorang mewakafkan harta adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mengharapkan pahala secara berterusan, selain rahmat, keberkatan dan keredhaanNya. Tujuan ini tidak akan tercapai jika terdapat halangan-halangan seperti pelupusan status

wakaf akibat pengambilan tanah wakaf oleh pihak berkuasa. Oleh itu nazir yang menjadi pemegang amanah harta wakaf perlu mencari penyelesaian dengan mengambil alternatif dan pendekatan tertentu agar manfaat harta wakaf itu berterusan selari dengan niat pewakaf.

Pada dasarnya para fuqaha sepakat menerima konsep *istibdal* dalam menyelesaikan isu pengambilan tanah wakaf yang diambil oleh kerajaan secara paksaan sama ada melalui penjualan, pertukaran dan pembelian. Perbezaan pendapat (*mahal al-naza'*) di kalangan mereka ialah tentang metod atau pelaksanaan *istibdal* wakaf dari sudut harta alih dan tak alih akibat daripada perbezaan penggunaan tanah wakaf dari segi khas dan am (Hassan, 1994). Pengambilan tanah wakaf berasaskan kepada mekanisma *istibdal* perlu dibezakan menurut jenis atau kategori. Ini kerana setiap kategori tersebut memberi implikasi yang berbeza dari segi penggunaannya yang tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu. Pengambilan yang melibatkan tanah wakaf khas agak sukar berbanding wakaf am, terutama bagi tanah wakaf yang dikhususkan untuk manfaat masjid, tapak masjid, surau dan kubur (Al-Khinn, 1992). Sekiranya tanah itu diwakafkan dalam bentuk penggunaan khusus seperti untuk pembinaan masjid, surau, kubur, sekolah agama dan lain-lain, maka tanah wakaf itu termasuk hasilnya tidak boleh digunakan untuk tujuan lain, selain apa yang telah ditentukan oleh pewakaf (*waqif*) (Badran, Badran Abu al-'Aynayn, 1986). Dalam hal ini, Mazhab Maliki dan Syafi'i mengambil pendekatan yang agak keras bagi mengharuskan *istibdal* membabitkan tanah wakaf Khas masjid berbanding mazhab-mazhab lain (Abu Zahrah, 1971). Kedua-dua mazhab ini bersepakat bahawa wakaf masjid tidak boleh dijual atau ditukar ganti, kecuali kerana ada kemaslahatan yang tidak boleh dielakkan (Al-Syirazi, 1995).

Dalam membahaskan isu *istibdal al-manqul* atau tanah wakaf, Mazhab Syafi'i mempunyai pendirian yang tegas bahawa tanah wakaf jenis Khas, Am dan Zuriat tidak boleh dijual beli. Ini bermakna semua jenis hartanah wakaf tidak boleh diambil oleh kerajaan untuk apa jua bentuk pembangunan. Ketegasan hukum dalam Mazhab Syafi'i ini berdasarkan kepada prinsip wakaf bahawa harta wakaf tidak boleh dijualbeli, dihibah dan diwarisi berdasarkan hadith 'Umar yang mewakafkan tanah di Khaibar dan mensyaratkan tanah tersebut tidak boleh dijual, dibeli, dihadiah dan tidak boleh dipusakai (Al-Nisaburi, 1997). Tujuan asal sesuatu wakaf yang telah dibuat tidak boleh diubah selain apa yang telah diniatkan oleh pewakaf (Al-Nawawi, 2000). Mazhab ini melarang pelaksanaan *istibdal* secara mutlak kerana penjualan atau penggantian akan membawa kepada hilangnya harta atau

aset yang diwakafkan (Al-Kubaysi, 1977). Namun demikian terdapat juga sebahagian ulama mazhab Syafi'i mengharuskan pelaksanaan *istibdal* dengan mensyaratkan bahawa tanah wakaf yang diganti itu boleh mendatangkan hasil yang lebih bermanfaat daripada yang sebelumnya.

Mazhab Hanafi dan Hanbali mengambil pendekatan yang agak longgar dan terbuka dalam mengharuskan pelaksanaan *istibdal* berbanding Mazhab Syafi'i dan Maliki. Mazhab Hanafi mengharuskan *istibdal* dalam semua keadaan, selagi ia mempunyai kepentingan untuk kemaslahatan orang ramai (Al-Zayla'i, 1996). Ini bermakna tanah-tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan tanah secara paksaan sama ada tanah wakaf khas atau am selain masjid, boleh ditukar ganti bergantung kepada masalah (Al-Maydani, 1985). Mazhab Maliki melarang penjualan hartanah wakaf yang melibatkan tapak atau bangunan masjid secara mutlak (Al-Dardir, t.t.). Wakaf jenis ini tidak boleh diganti dengan yang lain dan pendapat ini juga merujuk kepada majoriti fuqaha (Al-Zuhayli, 1987). Namun dalam keadaan darurat seperti *istibdal* untuk meluaskan masjid, tanah perkuburan atau jalan untuk kegunaan umum, maka ia diharuskan sekalipun diambil secara paksaan. Ini kerana perkara tersebut melibatkan kemaslahatan ummah secara umum. Jika tidak di*istibdalkan* harta wakaf itu akan memberi kesan negatif yang menyukarkan umat Islam seperti tempat ibadat umat Islam, kemudahan pengkebumian serta jalan untuk laluan (Abu Zahrah, 1971).

Menurut Mazhab Hanbali (Ibn Qudamah, 1999) transaksi jual beli serta aktiviti menukar dan menggantikan harta wakaf adalah diharuskan bergantung kepada hasil dan manfaat harta wakaf. Mazhab Hanbali mengamalkan konsep keterbukaan dalam kes harta wakaf yang memerlukan kepada pelaksanaan *istibdal* khususnya harta wakaf yang rosak dan sebagainya agar manfaat wakaf tidak lupus. Bukti kelonggaran hukum *istibdal* dalam Mazhab Hanbali ialah *istibdal* wakaf dibolehkan dalam bentuk harta alih seperti masjid. Keharusan ini berlaku apabila masjid tersebut telah rosak atau tidak sesuai untuk digunakan lagi seperti sempit dan tidak boleh diperbaiki kecuali dijual dan digantikan dengan masjid yang lain (Abu Zahrah, 1971). Jika kerosakan itu melibatkan sebahagian masjid, maka harus dijual bahagian tersebut. Begitu juga jika kerosakan melibatkan keseluruhan masjid, maka diharuskan menjual keseluruhan dan hasil dari transaksi jual beli ini digunakan untuk membina masjid yang lain sebagai ganti kepada masjid yang diwakafkan (Ibn Qudamah, 1999).

Bagi tanah wakaf yang tidak mendatangkan manfaat seperti kedudukannya yang jauh dari kawasan bandar, terpencil dan tidak

ekonomi serta tidak berpotensi untuk dibangunkan, Mazhab Hanafi, Hanbali dan sebahagian Mazhab Syafi'i berpandangan bahawa pihak berkuasa boleh melakukan *istibdal* ke atas tanah tersebut dengan tanah lain yang lebih mendatangkan hasil dan membawa keuntungan kepada penerima wakaf (Ibn 'Abidin, 1979).

Kepelbagaian pandangan mengenai pelaksanaan wakaf *istibdal* yang bersifat *ijtihadiy* oleh para fuqaha adalah rahmat kepada umat Islam. Ini kerana, pandangan *ijtihadiy* tersebut memberi ruang yang luas dan fleksibel dalam memastikan kelestarian tanah wakaf tidak terjejas. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti pelaksanaan wakaf *istibdal* di Malaysia. Secara khususnya, kajian ini cuba untuk melihat *istibdal* sebagai mekanisma bagi mengekalkan kesinambungan tanah wakaf dalam kes pengambilan tanah wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

## 2. Syarat Penggantian Tanah Wakaf

Bagi mengekalkan kesinambungan harta wakaf, tanah wakaf yang diambil oleh kerajaan secara paksaan berdasarkan konsep *istibdal* hendaklah diganti dalam bentuknya yang asal. Persoalannya, para fuqaha tidak menyatakan dengan jelas bentuk penggantian ini sama ada boleh berbentuk wang (*nuqud*) atau tanah (*al-'aqar*). Jika penggantian dalam bentuk wang ia termasuk dalam maksud pembelian, kerana wang penjualan itu dapat membeli tanah yang lain. Sebaliknya jika penggantian itu dengan tanah juga, ia termasuk dalam makna pertukaran atau penggantian.

Dalam membincangkan status tanah yang diambil oleh kerajaan, para fuqaha telah mensyaratkan bahawa pengambilan itu hendaklah disertakan dengan pampasan (*al-Ta'wid*). Bentuk pampasan dan penggantian yang biasa dilaksanakan adalah sama ada dalam bentuk wang pampasan atau dengan jenis yang sama (tanah dengan tanah). Bentuk penggantian ini amat penting untuk dibincangkan dalam konteks penggantian tanah wakaf yang berbeza konsepnya dengan tanah milik individu yang lain, dengan mengambil kira kemaslahatan dan situasi semasa pada hari ini. Penilaian dan pertimbangan perlu dibuat dalam menentukan sama ada pampasan dengan wang adalah lebih utama dan relevan berbanding penggantian tanah dengan tanah, atau sebaliknya. Di kalangan ulama fiqh, Ibn 'Abidin telah membincangkan perkara ini dengan meletakkan syarat bahawa tanah wakaf tidak boleh ditukar dengan wang kerana bimbang ia disalahgunakan oleh pihak tertentu (Ibn 'Abidin, 1979). Syarat yang dinyatakan ini adalah berkait dengan syarat

lain bahawa harta wakaf hendaklah diganti dengan jenis yang sama. Sekiranya pewakaf mensyaratkan dengan rumah, maka tidak boleh diistibdalkan dengan tanah. Merujuk kepada syarat ini, penggantian tanah dengan wang pampasan tidak diharuskan, kerana berlainan jenis, melainkan wang pampasan itu digunakan untuk membeli 'ayn aset wakaf yang sama.

Mazhab Hanbali juga mensyaratkan *istibdal* berlaku antara bentuk harta yang sama, seperti tanah dengan tanah, bangunan dengan bangunan dan lain-lain. Harta wakaf yang ditukar ganti secara *istibdal* hendaklah lebih baik daripada harta yang pertama. Jika sebaliknya maka ia tidak harus. Antara faktor lain mazhab ini mensyaratkan *istibdal* tanah dengan tanah kerana berdasarkan kepada apa yang telah berlaku pada kebiasaannya tanah wakaf yang diambil oleh kerajaan tidak diganti dengan tanah yang lain. Hanya sebilangan kecil sahaja tanah wakaf yang diganti (Ibn 'Abidin, 1979). Namun demikian, sesetengah ulama mengharuskan harta wakaf yang diambil boleh diganti dengan wang dengan syarat diyakini orang yang melakukan pertukaran atau penggantian itu adalah seorang kadi yang diakui kejujurannya dan bersifat amanah (Zuhdi Yakan, t.t.). Al-Kubaysi di dalam kitabnya meletakkan syarat bahawa tanah-tanah wakaf yang diistibdal tidak boleh diganti dengan wang, tetapi hendaklah dengan tanah (Hafiz al-Din al-Nisfi, 1997). Namun beliau mengatakan syarat-syarat itu boleh diubah dan dipinda agar bersesuaian dengan keadaan semasa masyarakat pada hari ini demi untuk menjaga berkekalannya harta wakaf, seterusnya menjamin kemaslahatan pihak yang diwakafkan (Al-Kubaysi, 1977).

### 3. Metodologi Kajian

Kajian kes ini bertujuan untuk melihat *istibdal* sebagai mekanisma bagi mengekalkan kesinambungan tanah wakaf dalam kes pengambilan tanah wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Kajian telah dijalankan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) yang bertanggungjawab menguruskan harta wakaf negeri. Beberapa temubual telah dijalankan bagi mengetahui dengan lebih dekat pelaksanaan *istibdal* di negeri tersebut. Dokumen-dokumen yang berkaitan juga telah diselidiki bagi mendapatkan data-data berkaitan tanah wakaf yang telah diistibdalkan.

#### **4. Pengambilan Tanah Wakaf Majlis Agama Islam Terengganu oleh Pihak Berkuasa Negeri**

Di negeri Terengganu, terdapat sekurang-kurangnya 111 lot tanah wakaf yang telah diambilalih oleh PBN sejak tahun 1951 (Mohd Afandi, 2008). Memandangkan sebahagian besar tanah wakaf di negeri Terengganu terletak di kawasan bandar, maka kebanyakan tanah yang diambil untuk projek kerajaan terletak di daerah Kuala Terengganu. Selebihnya tanah wakaf yang berada di luar kawasan bandar atau pinggiran bandar (Kamarudin, 1993). Sebahagian besar tanah wakaf yang diambil oleh PBN tidak melibatkan jumlah pampasan yang tinggi kerana keluasan tanah yang diambil bersaiz sederhana. Setakat ini jumlah pampasan tertinggi yang diterima oleh MAIDAM adalah sebanyak RM701,377.43 untuk 4 lot tanah pada tahun 1998. Jumlah kedua terbesar pampasan yang diterima MAIDAM adalah RM692,289 pada tahun 2004. Jumlah ini melibatkan pengambilan sebanyak 7 lot tanah. Tahun 2009 sehingga 2014 memperlihatkan 17 tambahan kes pengambilan tanah wakaf oleh PBN yang melibatkan pampasan berjumlah RM11,893,723.19 (Noraida, 2015).

Sebahagian besar pengambilan ini (sebanyak 34 lot tanah) bertujuan untuk menaik taraf jalan. Selebihnya di ambil untuk membina pejabat pentadbiran kerajaan (10 lot tanah), pembinaan parit (15 lot) dan pembesaran bangunan masjid (13 lot). Lain-lain kegunaan adalah untuk tapak sekolah, lapangan terbang, laluan TNB, perumahan awam melibatkan, pembinaan tangki air juga pembesaran muzium negeri Terengganu dan pelabuhan perikanan Chendering di Kuala Terengganu (6 lot). Bagaimanapun, sejumlah 18 lot tanah wakaf tidak dapat dikenalpasti tujuan pengambilannya kerana maklumat itu tiada dalam rekod. Pihak MAIDAM prihatin terhadap tanah-tanah wakaf dengan memastikan tanah-tanah wakaf tersebut tidak boleh diambil oleh mana-mana pihak dengan sewenang-wenangnya kecuali dalam keadaan dharurat (Infad, 2007a).

#### **5. Isu Pengambilan Tanah Wakaf Masjid/ Surau**

Sebahagian besar pengambilan tanah wakaf di Terengganu melibatkan tapak masjid, surau dan kubur. Oleh kerana tanah ini telah didaftarkan atas nama MAIDAM, pihak kerajaan telah membayar pampasan kepadanya. Bagi tanah wakaf jenis tapak kubur, ia akan dipindahkan ke kawasan lain yang berhampiran dengan kos perpindahan itu ditanggung

sepenuhnya oleh agensi yang terlibat setelah merujuk kepada MAIDAM. Ini menunjukkan bahawa tanah wakaf kubur yang diambil akan diganti dengan tanah yang lain.

Jumlah keseluruhan tanah wakaf tapak masjid yang telah diambil oleh kerajaan sehingga tahun berakhir 2005 adalah sebanyak 42 lot (lihat Jadual 1). Sebahagian besar pengambilan tanah tapak masjid/surau berlaku di Daerah Kuala Terengganu yang melibatkan sebanyak 23 lot, dan diikuti dengan Marang yang melibatkan pengambilan tanah sebanyak 12 lot. Selain itu, tanah wakaf daripada wakaf Zuriat turut diambil melibatkan sejumlah 8 lot. Daripada jumlah itu, 2 lot adalah tanah wakaf yang dimiliki oleh wakaf Zuriat Syeikh Kadir dan selebihnya adalah wakaf Zuriat al-Marhum Baginda (Mahmood Zuhdi, 2000).

**Jadual 1. Tanah wakaf tapak masjid yang diambil oleh PBN di Terengganu**

Bil	Daerah	Bil Tapak
1	Kuala Terengganu	23
2	Marang	12
3	Dungun	1
4	Besut	3
5	Hulu Terengganu	3
	<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>42</b>

Sumber: Fail Pengambilan Majlis Agama Islam Terengganu (MAIDAM) 2005

Walaupun tanah wakaf jenis tapak masjid dan surau berada di bawah pengurusan MAIN, pandangan ahli jawatankuasa masjid dalam hal-hal tertentu seperti membaikpulih bangunan masjid, turut diambil kira demi kepentingan ahli kariah tersebut. Kebiasaannya tapak masjid akan dibayar pampasan, tetapi bangunan masjid atau surau yang terlibat sebahagian atau keseluruhan akan dibaikpulih atau dibina semula oleh pihak yang mengambil tanah atas budi bicara kedua-dua belah pihak (Mohd Afandi, 2008).

Di Terengganu banyak juga tanah wakaf berbentuk tapak masjid, surau dan kubur yang masih belum berdaftar dengan MAIDAM tetapi diletak di bawah seliaan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. Sekiranya tanah yang dikawal selia oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama ini diambil oleh kerajaan bagi tujuan umum, MAIDAM tidak berhak menuntut pampasan dan tanah-tanah ini tidak boleh

dikategorikan sebagai tanah wakaf walaupun digunakan untuk tujuan umum seperti masjid, surau, kubur dan sekolah agama.

Prosedur ini bertentangan dengan fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu iaitu semua tanah kerajaan yang digunakan bagi tujuan aktiviti keagamaan hukumnya adalah sama seperti tanah wakaf. Pihak Mufti berpandangan bagi menjawab persoalan Pentadbir Tanah Kuala Terengganu bahawa tanah untuk kegunaan keagamaan yang terlibat dengan pengambilan hendaklah diberi pampasan sama ada tanah tersebut didaftarkan atas nama Majlis atau sebaliknya (Ruj. MAIDAM 03-003/4 (28). Tanah ini boleh diambil oleh kerajaan dengan syarat dibayar pampasan dan MAIDAM hendaklah berusaha mendapatkan gantian di atas bahagian yang telah diambil tersebut (Infad.(2007b). Walaupun demikian, di Terengganu telah berlaku beberapa kes pengambilan tanah yang melibatkan tanah kerajaan yang diwartakan di bawah Seksyen 62 KTN, pampasan juga dibayar kepada MAIDAM dan pandangan mufti diterima pakai oleh Kerajaan Negeri.

## **6. Analisa dan perbincangan**

### **6.1 Pelaksanaan *Istibdal* Di Majlis Agama Islam Terengganu**

Hasil kajian ini mengenalpasti beberapa faktor yang menyebabkan tidak berlakunya *istibdal* terhadap wang pampasan yang diterima MAIN. Faktor utamanya ialah sikap pegawai MAIN itu sendiri. Pada peringkat awal mereka merasakan tidak ada keperluan mendesak untuk meng*istibdalkan* tanah wakaf yang telah diambil oleh PBN. Ini berikutan tanah tak bermilik atau tanah kerajaan masih banyak sebelum ini dan boleh dipohon pada bila-bila masa sahaja. Begitu juga dengan nilai pasaran harga tanah juga tidak sebagaimana harga tanah yang ada pada masa sekarang. Manakala pengambilan yang dibuat oleh kerajaan tidak melibatkan lot-lot tanah yang banyak. Oleh itu, mereka tidak membuat permohonan semula dengan kadar segera dan mengambil pendekatan agak perlahan. Perkara ini tidak dianggap sebagai satu masalah atau bebanan kepada MAIN kerana banyak lagi tanah wakaf yang terbiar dan tidak dibangunkan.

Selain itu, sebahagian besar tanah wakaf yang diambil oleh kerajaan tidak melibatkan kesemua bahagian tanah. Oleh itu, jumlah pampasan yang dibayar oleh kerajaan adalah agak kecil. Bagi wakaf Khas manfaat masjid dan wakaf Zuriat pula ia sukar untuk diagihkan kepada penerima wakaf kerana melibatkan beberapa buah masjid dan ahli waris



yang lain. Kekurangan kakitangan dan maklumat fail yang kabur juga turut membantut usaha ini. Pampasan yang dibayar oleh kerajaan dalam bentuk tunai dianggap sebagai suatu jalan penyelesaian kepada tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan. Setelah mengalami tempoh yang agak lama, dan pengambilan tanah berlaku dalam skala yang lebih besar maka pihak MAIN mula memikirkan jalan penyelesaian kepada wang pampasan yang tersimpan begitu sahaja di bank. Terdapat juga wang pampasan yang dipinjamkan untuk melaksanakan projek lain, selain untuk melaksanakan *istibdal*.

Faktor lain yang turut menjadi punca tidak berlakunya *istibdal* adalah harga tanah di pasaran yang tinggi sedangkan wang pampasan yang diterima tidak mencukupi untuk menampung harga nilai semasa. Keadaan ini menjadi bertambah sukar bilamana tanah tiada pemilik atau tanah kerajaan semakin berkurangan. Jika pun ada, lokasinya tidak strategik, tidak setanding dengan tanah wakaf yang asal, tidak ekonomik serta tidak berdaya maju. Jika tanah tersebut dibeli sebagai gantian, ia akan bertentangan dengan hukum *istibdal* harta wakaf yang mesti diganti dengan tanah yang sama nilai atau lebih baik.

Laporan Jabatan Audit Negara (JAN) cawangan Terengganu turut membuat teguran terhadap pengurusan dan pentadbiran harta wakaf di MAIDAM berkaitan tanah-tanah wakaf yang tidak di*istibdalkan* (Laporan Jabatan Audit Negara Cawangan Terengganu Tahun 2004 dan 2009). Kebanyakan aspek yang mendapat perhatian JAN adalah sistem pengurusan kewangan, pendaftaran tanah wakaf, isu pencerobohan, masalah penyewaan dan lain-lain. Ini bermakna berlaku kelompangan dalam aspek *istibdal* yang sepatutnya diberi keutamaan agar kelangsungan manfaat wakaf dapat diteruskan.

## **6.2 Perancangan *Istibdal* Tanah Wakaf oleh MAIDAM**

Setiap negeri di Malaysia telah menubuhkan beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Kerja Wakaf, Jawatankuasa Kawalan Wakaf, Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan dan lain-lain (Azizian, 1999). Namun jawatankuasa *istibdal* belum diwujudkan kecuali di negeri Kedah (Abdul Halim et al., 2006). Kebanyakan negeri tidak menubuhkan jawatankuasa ini secara khusus dan diserahkan tugas serta tanggungjawab tersebut kepada unit wakaf untuk melaksanakannya (Zainal Abidin, 2000). Di Terengganu Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Zakat, Wakaf dan Baitulmal yang pertama pada 9 Ogos 2005 telah mengemukakan beberapa cadangan bagi melaksanakan urusan penggantian atau *istibdal*

tanah wakaf yang tidak dilaksanakan dalam tempoh yang begitu lama. Pendekatan ini telah diambil setelah melihat tanah-tanah wakaf yang telah terlibat dengan pengambilan oleh kerajaan atau PBN tidak diambil sebarang tindakan oleh pihak pengurusan sebelum ini. Kesan daripada penangguhan ini MAIDAM terpaksa berhadapan dengan kuantiti tanah wakaf yang semakin berkurangan, terutama yang berada di kawasan bandar dan pinggir bandar. Antara cadangan tersebut ialah MAIDAM akan mencari dan membeli tanah lain sebagai ganti tanah yang diambil balik.

Kebimbangan mengenai isu tanah wakaf yang tidak diganti ini telahpun bermula sejak tahun 1988 lagi. Kesungguhan dan kebimbangan pihak berkuasa pada masa itu dapat dibuktikan dengan mengarahkan nazir wakaf supaya menyejajarkan aktiviti mengesan tanah-tanah kerajaan yang bersesuaian dan strategik untuk dipohon oleh MAIDAM. Ini berdasarkan kepada minit mesyuarat pertama yang bersidang pada 12/6/1988 dan beberapa mesyuarat lain yang turut diadakan membangkitkan isu yang sama dengan mengemukakan beberapa cadangan tanah kerajaan untuk dipohon dengan kadar segera oleh MAIDAM. Pada masa yang sama MAIDAM juga telah mengadakan kerjasama dengan Pejabat Tanah Daerah (PTD) untuk mengesan tanah-tanah lain yang berpotensi. Selain itu MAIDAM juga telah menyenaraikan secara lengkap tanah-tanah wakaf di daerah Kemaman yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk dicari ganti. Keputusan mesyuarat Jawatankuasa Zakat, Wakaf dan Baitulmal yang bersidang kali ke-2/91 telah membangkitkan isu ini semasa perjumpaan dengan YAB Menteri Besar Terengganu memohon agar mempertimbangkan permohonan tanah kerajaan bagi mengistibdalkan tanah-tanah wakaf yang diambil oleh kerajaan. Mesyuarat MAIDAM turut menyentuh secara langsung isu tanah wakaf yang terbabit dengan pengambilan dan berusaha sedaya upaya untuk mencari jalan penyelesaian terhadap isu ini (Kertas Minit bil.MAIDAM 03-003/A). Bagaimanapun, perancangan yang dibuat sejak tahun 1988 sehingga tahun 2012 belum menemui jalan penyelesaiannya. MAIDAM hanya berjaya melaksanakan *istibdal* tanah ini dengan jumlah yang sangat kecil.

Kelemahan ini amat berkait rapat dengan rekod atau maklumat pengambilan tanah. Pihak yang menguruskan tanah wakaf tidak menyenaraikan secara lengkap keseluruhan tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan sejak tahun 1951 lagi. Kajian dan pemantauan secara terperinci tidak dilakukan secara berterusan oleh pihak yang berkenaan. Begitu juga dengan perancangan dan aktiviti MAIDAM

kurang memberikan penekanan kepada keberkesanaan dan kejayaan setiap apa yang dirancang. Merujuk kepada sejarah pengambilan tanah ini, perancangan untuk mengantikan tanah ini berlaku secara aktif sekitar tahun 1988 dan 1989 sahaja. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada permohonan mesyuarat MAIDAM agar nazir wakaf dapat mengesan tanah-tanah kerajaan yang sesuai untuk diganti dengan kadar segera. Pada tahun-tahun yang berikutnya, MAIDAM lebih menumpukan kepada isu penyenaian semula tanah-tanah yang diambil oleh kerajaan untuk dibuat pelaksanaan *istibdal* dan juga isu pampasan. Ini bermakna MAIDAM sehingga kini belum mempunyai suatu perancangan serius untuk menubuhkan jawatankuasa pelaksanaan *istibdal* atau jawatankuasa bertindak (Siti Mashitoh, 2001). Gesaan agar tanah wakaf PBT diganti ini amat ditekankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam setiap jawapan bersurat kepada nazir wakaf. Melihat kepada senario ini, jelas berlakunya pertentangan antara saranan Jawatankuasa Fatwa Negeri dengan badan pelaksana wakaf (MAIDAM). Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana ia melibatkan tuntutan amanah pewakaf yang dipertanggungjawabkan kepada pemegang amanah yang dilantik.

### **6.3 Fatwa Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Terengganu**

Secara umumnya, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Terengganu tidak banyak mengeluarkan fatwa khusus berkaitan hukum pengambilan tanah wakaf dan pelaksanaan *istibdal* tanah wakaf (Noor Naemah, 2006). Namun demikian fatwa-fatwa umum berkaitan wakaf banyak dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa dan diputuskan di dalam minit mesyuarat MAIDAM (Ahmad Hidayat, 2004). Pada tahun 1990 (Jabatan Mufti Negeri Terengganu, bil (53), Mufti Kerajaan Negeri Dato' Engku Alwi bin Engku Hj Ambak telah mengeluarkan fatwa tentang pengambilan tanah dan isu *istibdal* dengan merujuk kepada beberapa buah kitab seperti *Mughni al-Muhtaj*, *Hasyiyah al-Jamal*, *Nihayah al-Muhtaj*. Fatwa ini adalah antara yang pertama di negeri Terengganu yang membincangkan isu pengambilan tanah. Fatwa tersebut menjelaskan: "Sesuatu benda itu apabila diwakafkan maka dengan itu hak milik empunya terhadap benda itu terlucutlah dan serentak dengan itu hak miliknya berpindahlah kepada Allah SWT. Oleh itu pengawal harta wakaf hendaklah mempertahankan harta itu yang telah diamanahkannya untuk mengawali harta tersebut supaya ia terus terpelihara dan dapat dimanfaatkan sebagaimana yang ditentukan oleh orang yang mewakafkannya. Pengawal wakaf juga hendaklah mempertahankan sedaya-upayanya

harta-harta wakaf di bawah kawalannya supaya tidak disia-siakan tujuan orang yang mewakafkannya. Sekiranya dalam keadaan tertentu berlaku sesuatu terhadap harta wakaf yang menyebabkan harta yang diwakafkan itu terlepas daripada kawalan pengawal dan hal itu adalah diluar keupayaannya, maka harta wakaf itu bolehlah dikira sebagai harta wakaf yang telah dirosakkan dan pengawal berhaklah mendapatkan gantinya iaitu harganya”.

Di dalam membuat keputusan ini Jawatankuasa Fatwa telah menetapkan beberapa syarat berkaitan tanah wakaf yang diambil oleh kerajaan seperti berikut:

- i. Tanah wakaf yang diambil balik hendaklah diganti dengan tanah yang sepeertinya dan kemudian dilafazkan dengan Sighah Wakaf;
- ii. Tanah daripada jenis padi yang diambil balik hendaklah diganti dengan tanah yang sama jenis dengannya;
- iii. Selagi ada tanah yang sama jenis di dalam kawasan yang sekitarnya maka tidaklah harus dicari ganti di kawasan-kawasan yang lain;
- iv. *Istibdal* dilakukan dengan nilai harga tanah yang diambil dan pihak pengawal hendaklah mempertahankan nilai yang dibayar itu adalah harganya. Dengan itu soal mendapatkan ganti dengan keluasan yang tidak sama disebabkan nilai yang semakin tinggi adalah tidak timbul.
- v. Wang lebih dari membeli gantian wakaf hendaklah dibeli sekadar yang boleh dari bahagian terhadap gantian

Fatwa di atas menunjukkan bahawa tanah-tanah wakaf yang diambil oleh kerajaan perlu digantikannya dengan bayaran pampasan manakala MAIDAM dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menggantikannya tanah tersebut mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Jawatankuasa Fatwa juga telah mengeluarkan fatwa pada tahun 1997 kepada Pengarah Tanah dan Galian Terengganu. Jawatankuasa Fatwa tersebut menggariskan bahawa sebarang pengambilan yang melibatkan tanah wakaf hendaklah mendapat kelulusan MAIDAM terlebih dahulu. Ini bermakna jika tidak mendapat kelulusan atau keizinan MAIDAM tindakan pengambilan itu adalah tidak wajar dan berlawanan dengan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Seksyen 143. Selain itu Pentadbir Tanah Kuala Terengganu hendaklah membayar pampasan sama ada tanah wakaf tersebut didaftarkan atas nama Majlis atau sebaliknya (MAIDAM 01-006/14 Bhg 9-9-(50) bertarikh pd 18/Nov/1997).

Selain fatwa di atas, Jawatankuasa Fatwa negeri Terengganu juga telah membuat keputusan bahawa semua tanah kerajaan yang digunakan bagi tujuan aktiviti keagamaan hukumnya adalah sama seperti tanah wakaf yang lain. Tanah wakaf hendaklah dikekalkan walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Sekiranya berlaku keadaan mendesak dan kepentingan orang ramai perlu diutamakan, maka tanah tersebut boleh diambil dengan syarat dibayar ganti rugi atau pampasan. Di pihak MAIDAM hendaklah berusaha mendapatkan tanah yang lain sebagai ganti wakaf (Fail Pengambilan Tanah Wakaf 03-003 (34). Bagi kategori tanah perkuburan pula Jawatankuasa Fatwa secara jelas berpandangan bahawa ia tidak boleh dihapuskan bagi tujuan pembangunan. Mana-mana tanah tapak kubur hendaklah dikekalkan dengan seadanya (Infad.(2007b).

#### **6.4 Metod Pelaksanaan *Istibdal* Tanah Wakaf dan Cadangan Penyelesaian**

Di dalam melaksanakan konsep *istibdal* terhadap tanah wakaf ia berkisar sama ada dalam bentuk penjualan, pembelian dan pertukaran atau penggantian. Ketiga-tiga kaedah yang dinyatakan ini pada keseluruhannya adalah bertujuan untuk mengekalkan status harta wakaf agar manfaatnya dapat dinikmati oleh penerima wakaf secara berterusan dan mengaplikasikan apa yang dihajati oleh pewakaf. Oleh itu pelaksanaan *istibdal* menekankan dari dua aspek bahawa aset wakaf yang dijual hendaklah diganti semula sebagaimana kedudukannya yang asal atau lebih baik daripada yang sebelumnya. Justeru, pihak yang layak untuk memutuskan sesuatu pelaksanaan *istibdal* ialah pihak berkuasa sama ada hakim atau kadi.

#### **6.5 Tanah yang Diambil Secara Keseluruhan**

Bagi tanah yang diambil melibatkan kesemua tanah atau sebahagian besar daripadanya hendaklah diganti tanah dengan tanah (*al-'Aqar bi al-'Aqar*) sepenuhnya sama ada wakaf Am, Khas atau wakaf Zuriat. Keutamaan gantian tanah dengan tanah bagi pengambilan yang melibatkan keluasan yang besar adalah bagi memudahkan urusan pihak agensi dan MAIN mendapatkan tanah lain yang mempunyai keluasan dan jenis yang sama. Saiz keluasan tanah yang luas agak senang untuk dibeli sebagai *istibdal*.

### **6.6 Pengambilan Sebahagian Kecil Tanah Wakaf**

Pengambilan tanah wakaf pada jumlah yang kecil keluasanya sukar untuk diganti dengan tanah. Oleh itu ia mencukupi hanya dibayar dengan wang pampasan dan dicadangkan agar nilai pampasan tanah-tanah wakaf ini disatukan. Melalui kaedah ini semua nilai pampasan yang dibayar oleh kerajaan, digabung dan disatukan menjadi jumlah yang besar mengikut kategori wakaf. Dengan jumlah yang besar MAIDAM mampu membeli tanah lain yang mempunyai nilai komersil sebagai ganti tanah yang telah diambil. Kes yang sama juga boleh diaplikasikan kepada tanah jenis wakaf Zuriat. Segala manfaat daripada aset yang baru itu akan disalurkan kembali atau diagihkan kepada ahli warisnya mengikut cara pembahagian aset yang pertama. Jawatankuasa fatwa hendaklah mengkaji dan mengeluarkan fatwa yang membolehkan wang-wang ini disatukan dan boleh digunakan untuk membeli sesuatu selain tanah yang dianggap menyukarkan pihak MAIDAM jika ditetapkan tanah hendaklah diganti dengan tanah sebagaimana fatwa sebelum ini.

### **6.7 Tanah Wakaf Tapak Masjid, Surau Dan Kubur**

Bagi tanah jenis wakaf masjid dan surau terdapat dua jenis kategori penggunaan yang disyaratkan oleh pewakaf. Dua kategori ini perlu diambil perhatian kerana bentuk kegunaan manfaatnya berbeza antara satu sama lain. Kategori pertama melibatkan pewakaf yang mewakafkan tanah sebagai tapak untuk mendirikan masjid dan surau secara khusus. Kategori keduanya melibatkan pewakaf yang mewakafkan tanah untuk manfaat masjid dan surau. Ini bermakna, segala hasil yang diperoleh dari tanah yang diusahakan itu hendaklah disalurkan kepada masjid dan surau untuk penyelenggaraan masjid berkenaan. Kaedah pelaksanaan *istibdal* tanah-tanah jenis ini adalah sepertimana berikut:

- i. Bagi bangunan masjid/ surau yang terlibat dengan pengambilan tanpa melibatkan keseluruhan tanah dan bangunan, pihak agensi perlu menanggung kos membaikpulih bangunan masjid dan surau sebagaimana bentuknya yang asal dengan mendapat persetujuan daripada Ahli Jawatankuasa Masjid/surau berkenaan.
- ii. Manakala bagi tapak masjid dan surau yang melibatkan pengambilan secara keseluruhan termasuk juga bangunan, pihak agensi/pemaju hendaklah membina semula bangunan masjid/surau yang baru di atas tapak yang baru dan tanah/

tapak tersebut diganti dengan jumlah keluasan yang sama dengan keluasan pengambilan. Sekiranya pihak pemaju/agensi hanya menawarkan gantian dengan wang pampasan, maka sudah tentu banyak menimbulkan masalah terutama dari segi tanah sukar diganti dan pembinaan semula masjid/surau menelan kos yang tinggi dan sukar untuk dijangkakan. Pihak agensi boleh mendapatkan tanah lain yang berada di lokasi yang berdekatan atau bersebelahan dengan tanah yang asal.

- iii. Sementara tanah perkuburan Islam yang terlibat hendaklah diganti dengan tanah juga. Kubur-kubur yang lama perlu dipindahkan ke tanah perkuburan Islam yang baru.

Dari aspek Akta Pengambilan Tanah 1960, peruntukan Seksyen 15(1) perlu dikuatkuasakan khususnya dalam memberi hak dan pilihan kepada MAIDAM, selaku pemilik tanah untuk membuat keputusan. Pihak kerajaan tidak boleh menyelesaikan masalah dengan menyebelahi satu pihak sahaja, dan mengabaikan pihak lain yang dilucutkan hak milik mereka. Dalam kes pengambilan tanah wakaf, MAIDAM hendaklah diberi peluang yang seluas-luasnya untuk menyertai projek pembangunan yang difikirkan sesuai atau menggantikan dengan tanah yang sama jenis atau lebih baik daripada yang diambil, selain pemberian wang pampasan yang dilakukan sebelum ini. Adalah dicadangkan juga supaya Akta Pengambilan Tanah 1960, tanah wakaf dikecualikan daripada dipindah milik atau dijual kepada pihak swasta. Konsep pemindahan secara pajakan adalah lebih sesuai diberikan kepada pihak swasta bagi meyelamatkan tanah-tanah ini menjadi hak milik kekal pihak-pihak lain. Konsep pajakan dijamin memberi keuntungan kepada MAIDAM dan umat Islam seluruhnya dari segi jangka panjang.

Selain itu, di pihak MAIDAM, penubuhan sebuah jawatankuasa *istibdal* yang khusus adalah penting bagi melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mengesan tanah-tanah kerajaan atau tanah bermilik yang sesuai untuk dibuat permohonan kepada pentadbir tanah di setiap daerah. Jawatankuasa ini boleh dianggotai bersama oleh mereka yang terdiri daripada ahli-ahli agama dan golongan profesional dan pihak pentadbir seperti Exco Kerajaan Negeri, pentadbir tanah, pakar-pakar dan perancang ekonomi dan lain-lain pihak yang berkepentingan selain pihak MAIDAM sendiri. Bagi melaksanakan misi ini dengan jayanya, jawatankuasa ini boleh diuruskan oleh anak-anak syarikat yang dilantik secara sah oleh MAIDAM. Segala dasar, prosedur dan kaedah-kaedah *istibdal* adalah diputuskan oleh ahli jawatankuasa ini dan anak-anak

syarikat yang dilantik akan menjadi melaksanakan kepada apa jua perancangan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai pemantau kepada tugas-tugas yang dilaksanakan mereka yang memikul tanggungjawab ini .

## 7. Kesimpulan Dan Cadangan

Pelaksanaan *istibdal* bagi tanah yang diambil oleh kerajaan tidak boleh ditangguh atau dilewatkan. Ia hendaklah dilakukan seberapa segera oleh pemegang amanah bagi menjaga kepentingan pewakaf dan umat Islam seluruhnya serta mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan wang pampasan selain kenaikan nilai tanah semasa. Pelaksanaan *istibdal* perlu mengambilkira semua pandangan ulama Fiqh tanpa terikat atau dikongkong dengan satu mazhab dan diselaraskan mengikut keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri dan Kebangsaan. Kaedah atau prosedur *istibdal* yang dikeluarkan oleh Jabatan Zakat Wakaf dan Haji melalui buku Manual Pengurusan Tanah Wakaf boleh diikuti sebagai panduan bagi mewujudkan keseragaman kerja antara negeri-negeri. Konsep penggantian antara tanah wakaf Am, Khas dan Zuriat hendaklah dibezakan, termasuk tanah wakaf yang diambil secara keseluruhan tanah dengan tanah yang diambil sebahagian.

## 8. Rujukan

Abu Zahrah, Muhammad. (1971). *Muhadharah fi al-Waqf*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi

Abdul Halim, R., Kamarulzaman, S. (2006). Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-negara Islam. *Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006*. Anjuran Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, Hotel Legend Kuala Lumpur, Pada 12-14 September 2006

Ahmad Farraj, H. (1986). *Ahkam al-Wasaya wa al-Awqaf fi al-Syari‘ah al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Jami‘ah

Ahmad Hidayat, B. (2004). Analisis Fatwa-fatwa Syariah di Malaysia. dalam Ahmad Hidayat Buang *et. al.* (ed.). *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya

Al-Dardir, Abi al-Barakat Ahmad b. Muhammad b. Ahmad (t.t.). *Al-Syarh al-Saghir ‘ala ‘Aqrab al-Masalik ila Madhhab al-Imam Malik*. Jld.4. Cairo: Dar al-Ma‘arif



- Al-Ghazali, Muhammad (1997). *Al-Wasit fi al-Madhab*. Jld.4. Dar al-Salam
- Al-Khinn, Mustafa Sa'id (1992), *al-Fiqh al-Manhaji ala Madhhab al-Imam al-Syafi'i*, cet.3, Damsyiq: Dar al-'Ilmi
- Al-Kubaysi, Muhammad 'Ubayd (1977). *Ahkam al-Waqf fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, jld.2, Baghdad: Matba'ah al-Irsyad
- Al-Maydani, 'Abd al-Ghani al-Ghanimi (1985). *Al-Lubab fi Syarh al-Kitab*, jld.1, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya (2000). *Rawdah al-Talibin*, jld.4, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Nisaburi, Imam Abi Husayn Muslim al-Hajjaj al-Qusyairi (1997). *Sahih Muslim, Bab al-Waqf*, cet:1, jld. 3. Mu'assasah 'Iz al-Din
- Al-Syawkani, Syaykh Muhammad b. 'Ali (t.t.). *Nayl al-Awtar Min Ahadith Sayyid al-Akhbar Syarh Muntaqa al-Akhbar*, jld.6, Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi
- Al-Syirazi, Abi Ishak (1995), *Al-Muhadhab fi fiqh al-Imam al-Syafi'i*, cet.1, jld.2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Syirbini, Syam al-Din Muhammad b. Muhammad al-Khatib (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat al-Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jld.3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Zayla'i, Jamal al-Din Abu Muhammad 'Abd Allah b. Yusuf (1996). *Nasb al-Rayah Takhrij Ahadith al-Hidayah*. Jld.3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Zuhayli, Wahbah (1987). *al-Wasayah wa al-Awqaf fi Fiqh al-Islami*, cet.1, Damsyiq: Dar al-Fikr
- Al-Zuhayli, Wahbah (1987). op. cit., hlm.221. Tarablas (t.t.), *Al-Fiqh fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Beirut: Maktabah al-Hadithah
- Azizian Bin Hamid (1999). Pentadbiran dan Pengurusan Harta Tanah Wakaf di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Institusi Wakaf Menuju ke Arah Baru, Anjuran Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Pada 8 Julai 1999

Badran, Badran Abu al-'Aynayn (1986). *Ahkam al-Wasaya wa al-Awqaf fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Jami'ah

Fail Pengambilan Tanah Wakaf Negeri Terengganu, 03-003 (34).

Hafiz al-Din al-Nisfi, Abi al-Barakat 'Abd Allah b. Ahmad (1997). *Al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kunz al-Daqa'iq*. Jld.5. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

Hassan 'Abd Allah al-Amin (1994). *Idarah wa-Thasmir Mumtaliqat al-Awqaf*. Al-Bank al-Islami li al-Tanmiyyah al-Ma'ahad al-Islami

Ibn 'Abidin, Muhammad Amin (1979). *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Jld.4, Dar al-Fikr

Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad b. 'Abd Wahid (1977). *Syarh Fath al-Qadir*. Jld.6. Beirut: Dar al-Fik

Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Muhammad 'Abd Allah b. Ahmad b. Muhammad (1999). *Al-Mughni*, cet.4, jld.8, Dar al-'Alam al-Kutub

Infad.(2007a).<http://infad.kuim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1192>, 20 Januari 2007

Infad.(2007b).<http://infad.kuim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=2092>, 20 Januari 2007

Infad.(2007c).<http://infad.kuim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=2077>, 20 Januari 2007

Infad.(2007d). <http://infad.kuim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=4304>

Mohd Daud Bakar (1999). "Amalan Institusi Wakaf Di Beberapa Negara Islam: Satu Perbandingan," dalam Nik Mustapha Nik Hassan *et. al.* (ed), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Mohd Afandi Bin Mat Rani (2008). Pengambilan Tanah Wakaf Oleh Pihak berkuasa Negeri: Analisis Menurut Hukum Syarak dan Aplikasinya di Malaysia, Tesis Ph.D, Universiti Malaya

Muhammad Kamal al-Din (1998). *Al-Wasaya wa al-Awqaf fi al-Fiqh al-Islami*, Mu'assasah al-Jam'iyyah al-Dirasat

Noor Naemah Abd Rahman, Luqman Hj Abdullah, Anisah Abd Ghani (2006). "Fatwa-fatwa Wakaf di Malaysia: Analisa Khusus di Negeri Kelantan". Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, pada 12-14 September 2006, Anjuran Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, di Hotel Legend Kuala Lumpur

Noraida Haron, Nor'Ashikin Hamid, Kamaliah Salleh & Asiah Bidin (2015). Isu Pengambilan Tanah Wakaf Oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN): Kajian Kes di Negeri Terengganu", *e-Proceedings of The International Conference on Waqf 2015*, pada 10-11 May 2015, di Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) Kuala Terengganu

Qudamah (2001). *Al-Munaqalah wa al-Istibdal bi al-Awqaf*, dalam *Al-Asyqar*, Muhammad Sulayman, et. all (ed) *Majmu' fi Al-Munaqalah wa al-Istibdal bi al-Awqaf*, cet.2, Beirut: Lubnan

Siti Mashitoh Mahamood (2002). *Pelaksanaan Istibdal dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia*. Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Rujukan pewartaan Fatwa Negeri Melaka, pada 2 Februari 1995. No.54 Fail

Rujukan Fail Wakaf Johor (2) dlm. JMJ606/ WAKAF (W)-2/2004.

Surat Mufti kepada PTD KT( MAIDAM 01-006/14 Bhg 9-9-(50) bertarikh pd 18/Nov/1997.

Zainal Abidin Mat Nor (2000). Permasalahan Hartanah Majlis Agama Islam Negeri-negeri. dalam *Jurnal Penyelidikan Islam*. JAKIM, Bil.13, 2000

Zuhdi Yakan (t.t.). *Ahkam al-Waqf*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah

